



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 13 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	BARISAN HADAPAN INDUSTRI PERTANIAN, AGROMAKANAN TERIMA VAKSIN, BERITA TAMIL- TV2 520,000 PEKERJA SEKTOR PERTANIAN DAN AGROMAKANAN TERIMA VAKSIN MELALUI AIVAC, BERITA RTM-ONLINE CHICKEN PRICE HIKE, NEWS, TAMIL MALAR-1,11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4.	PATIN FISH UNSOLD, RESULTING MASSIVE LOSS, NEWS, SIN CHEW DAILY-8	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
5. 6.	BANTUAN PERIKANAN MELONJAK KEPADA RM3.9 JUTA, NEGARA, KOSMO-14 SUNGAI TIMUN BAKAL JADI TUMPUAN "PEMBURU" SEPIT BIRU, HARIAN METRO-ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	PESAWAH RAYU MADA SELENGGARA SALIRAN AIR, NEGERI, SH-31	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21.	LETAK BOT BERSAMA NELATAN TEMPATAN, LOKAL, HM-22 PETIK 100 KILOGRAM ANGGUR SEBULAN, WARNA - WARNI KEHIDUPAN, SH-14 PENIAGA AYAM LUAH RASA, NASIONAL, SH-12 PROJEK LESTARI UPM TERNAK TILAPIA DALAM TANGKI, K2,KOSMO-29 CADANGAN PERLU AMBIL KIRA FAKTOR KENAIKAN KOS, NASIONAL, BH-14 SYOR SUBSIDI PENGUSAHA LADANG AYAM, NASIONAL, BH-14 JUJALAN AMAL RM12 SEEKOR AYAM DAPAT SAMBUTAN, NASIONAL, BH-14 PESAWAH DAKWA ADA TINDAKAN "MENCURI AIR" DARI TERUSAN, NASIONAL, BH-20 PESAWAH DEGIL TAK IKUT JADUAL, PETAK JADI KERING, NEGARA, KOSMO-16 RINTIHAN PENIAGA AYAM, SINAR HARIAN, MUKA DEPAN-1 MENYAMAR NELAYAN TEMPATAN CURI HASIL LAUT NEGARA, DALAM NEGERI, UM-10 NELAYAN GEMBIRA EIA DIBATALKAN, PSR PULAU PINANG, HAKAKAH-H21 BOT NELAYAN VIETNAM GUNA PENDAFTARAN PALSU DITAHAN, BH-ONLINE 1000 AYAM SEGAR RM12 SEEKOR LICIN DALAM SEJAM, HM-ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2021	TV2	BERITA TAMIL	

BARISAN HADAPAN INDUSTRI PERTANIAN, AGROMAKANAN TERIMA VAKSIN MELALUI AIVAC



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/9/2021	BERITA RTM	ONLINE	

520,000 PEKERJA SEKTOR PERTANIAN DAN AGROMAKANAN TERIMA VAKSIN MELALUI AIVAC



LANGKAWI, 11 September - Kira-kira 520,000 pekerja industri pertanian dan agromakanan dijangka menerima vaksin mereka melalui Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AIVAC).

Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, ia membabitkan dua kategori iaitu kumpulan

sasar utama dan kumpulan sasaran pemain industri terpilih.

Kumpulan sasaran utama terdiri daripada 420,000 pesawah, petani, penternak, nelayan dan pengusaha industri agromakanan kecil-kecilan warganegara Malaysia.

Manakala kumpulan sasaran pemain industri terpilih membabitkan 100,000 pekerja di syarikat dan persatuan dalam sektor agromakanan yang berdaftar dengan MAFI.

Beliau ditemui media pada Program Kempen Lebih Makan Buah-Buah Tempatan Kepada Frontliner COVID-19 di Hospital Sultanah Maliha, Langkawi.



12 SEP, 2021

Chicken price hike

Tamil Malar (Sunday), Malaysia

Page 1 of 3

கோழி விலை உயர்வு:



கால்நடைகளின் தீவன விலை உயர்வுதான் காரணம்



புத்ராஜெயா, செப்.12-

அனைத்துலகச் சந்தைகளில் கால்நடைகளுக்கான உணவு விலை உயர்வுதான் உள்நாட்டுச் சந்தைகளில் கோழிகளின் விலையை உயர்த்தியிருக்கும் என்று விவசாயம் மற்றும் உணவுத் தொழில்துறை அமைச்சர், டத்தோழி டாக்டர் ரொனால்ட் கியாண்டி தெரிவித்தார். கோழிகளுக்கானத் தீவனத்தை உற்பத்திச் செய்வதற்கான விலை உலகச் சந்தைகளில் ஏற்படும் விலையேற்றத்திற்கு ஏற்ப உயர்ந்து கொண்டிருக்கும்.

பக்
11



12 SEP, 2021

Chicken price hike

Tamil Malar (Sunday), Malaysia

Page 2 of 3

கோழி விலை உயர்வு...

அவற்றில் சோளம், சோயா உட்பட கால்நடைகளுக்கானத் தீவனங்களும் அடங்கும். இவை அனைத்தும் வெளிநாடுகளின் இறக்குமதிச் சந்தை விலையைப் பொறுத்தே நிர்ணயிக்கப்படும்.

இதில் நாமும் அந்த விலைக்கு உட்பட்டிருப்பதற்குக் காரணம் கால்நடைகளுக்கான தீவனத்தின் விலை இறக்குமதிச் செய்யப்படும் உணவுகளின் விலைக்கு உட்பட்டிருப்பதே ஆகும் என்று உள்ளூர் சந்தைகளில் கடந்த வாரம் தொடங்கி 1 கிலோ கோழியின் விலை வெ.10 ஆக இருப்பது குறித்து செய்தியாளர்களிடம் பெலுரான் தொகுதி நாடாளுமன்ற உறுப்பினருமான டாக்டர் ரொனால்ட் கியாண்டி கருத்துரைத்தார்.



12 SEP, 2021

Chicken price hike

Tamil Malar (Sunday), Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

புத்ராஜயொ,சபெப் .12- அனதைத்துலகச் சந்தகைளில் கால்நடகைளுக்கான உணவா விலை உயர்வாதான் உள்நாட்டும் சந்தகைளில் கஃாழிகளின் விலையை உயர்த்தியிருக்கும் என்று விவசாயம் மற்றும் உணவாத் தஃாழில்துறாை அமைச்சர் , டத்தஃாழி டாக்டர் ரஃாணால்ட் கியாண்டி தரெரிவித்தார் . கஃாழிகளுக்கானத் தீவனத்தைஉற்பத்திச் செய்வதற்கான விலை உலக சந்தகைளில் ஏற்படும் விலபையதேற்றத்திற்கு ஏற்ப உயர்ந்து கஃாண்டிருக்கும் . பக் 11

இ கஃாழி விலை உயர்வா... அவற்றில் சஃாளம் , சஃாயா உட்பட கால்நடகைளுக் கானத் தீவனங்களும் அடங்கும் . இவாை அனதைத்தும் வளெரிநாடுகளின் இறக்கமதிச் சந்தகை விலையைபைப் பஃாறுத்ததேநீர்ணயிக்கப்படும் . இதில் நாமும் அந்த விலகைக் உட்பட்டிருப்பதற்குக் .



12 SEP, 2021

Patin fish unsold, resulting massive loss

Sin Chew Daily (East Coast), Malaysia

報道 / 攝影 / 鄭佩琴

疫下供過於求 巴丁魚滯銷 虧大了

【本報訊】冠病疫情之下，巴丁魚市場大受打擊，造成供過於求的情況，令養殖業者蒙受虧損。



受冠病疫情影響，巴丁魚養殖生意大跌。

納茲米：日均只賣出20隻

其中一名河魚養殖業者納茲米說，他在上星期均都有日個魚籠，因拿多時均4月巴丁魚，以往他每日均賣出200隻河魚供應巴生本地市場。但受疫情影響，如今一天平均只賣出20隻，生意慘不忍睹。

納茲米說，以前約800克的巴丁魚可以自撈上岸出售，但由於現在沒有市場，巴丁魚已漲至1公斤多。這情況導致河魚更難出售，因為大多數消費者均會選購小於1公斤的巴丁魚。

而且，現在貨肆也沒有全面復業，商家均停減了生意。加上現在許多外州實施封城及禁止跨州，減少了受災的市場，導致巴丁魚出現供多求的情況。



納茲米：巴丁魚滯銷，每天平均只賣出20隻。



及轉之手，原本收手的巴丁魚竟無人問津，虧損大現。

菲基里：飼料漲價難負荷

另一名養殖業者菲基里說，他於2018年與2名朋友合資經營河魚養殖場生意，如今不僅面對河魚滯銷的問題，他們還面對飼料價格不斷高漲的負擔。

菲基里說，每個魚籠一個星期，8個月，大約需要4000令吉的飼料費用，但現在已經一年多，河魚還是沒有市場，這已經超越我的預算，我已經沒有能力再買飼料。

“如果只賣出那麼一點，這只是夠支付我的飼料費用，我根本不知道怎麼辦。我想我們應該做一些不能再向魚商借款，被迫另尋出路，行下來維持生活。”

彭漁業局長：助業者線上銷售

另一方面，彭漁業局長阿都拉查化日前對一組由巴丁魚下游產品加工商發起的團體表示，該團體是取組成的行動協助陷入困境的河魚養殖業者，包括與馬六甲表及農研局、MARDI、吉打州及巴生下游產品，以及與MARDI和聯邦農業銷售局、FAMA、把河魚送到城市銷售，提高銷售率。

他說，該局已于9月與MARDI聯合舉辦一項課程，即通過MARDI的技術為巴丁魚生產下游產品，以解決河魚滯銷的危機。

“由于目前禁止舉行任何面對面的課程，我們將進一步從線上學習，我們才能努力有關課程。”

利用冷凍產品技術生產下游產品

MARDI擁有生產冷凍產品的技術，相信可利用這些技術生產巴丁魚下游產品，如巴丁魚的凍肉、巴丁魚豆腐、魚粉、魚油和魚骨等。

“我們也將與馬六甲表及農研局、KIM、和FAMA合作，使用線上技術方法將滯銷的巴丁魚和其他下游產品，和目前從業者必須了解如何加工。”

他說，巴丁魚養殖業者和商家均同意增加，這也發出200張商行信託管理證書，因此不存在不能跨到或跨回問題。

他還說，根據去年資料顯示，州內共有1674名河魚養殖業者，其均佔共占了563或34%，共有1086個魚籠，佔有5萬畝的魚池佔有66畝。



冠病疫情影響，其供應量外銷市場，以及減少了本地河魚的消費，巴丁魚市場冷清。



阿都拉查化（左）於巴丁魚下游產品加工廠考察時，與巴丁魚下游產品加工廠的經理（右）討論生產下游產品的過程。（取自Isentia臉書）



12 SEP, 2021

Patin fish unsold, resulting massive loss

Sin Chew Daily (East Coast), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

0—方面, 彭亨渔业局局长阿都拉嘉化日前到一间 力巴丁鱼下游产品加工厂参观后指出, 该局将采取积极的行动协助陷入困境的河鱼养殖业业者, 包括与大马农业发展研究所 (MARDI)合作研发巴丁鱼下游产品, 以及与MARDI和联邦农业销售局 (FAMA) 把河鱼放到线上销售, 提高销售量他说, 该局已于4月期间与MARDI联系策划举行一项课程, 即通过MARDI的技术为巴丁鱼生产下游产品, 以解决河鱼滞销的危机。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/9/2021	KOSMO	NEGARA	14



MOHD. SHAHAR (tiga dari kiri) bersama Abdullah (depan, dua dari kanan) bergambar di Felda Panching Selatan, Kuantan semalam.

Bantuan perikanan melonjak kepada RM3.9 juta

KUANTAN – Jumlah bantuan yang disalurkan Jabatan Perikanan di negeri ini meningkat kepada RM3.9 juta pada tahun ini berbanding RM2.8 juta pada 2020.

Pengarah Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, bantuan di bawah dasar jaminan makanan itu diberikan kepada kumpulan sasar yang terjejas akibat Covid-19.

Menurutnya, bantuan antaranya meliputi geran pepadanan kawasan zon industri akuakultur, elaun sara hidup nelayan, bantuan input peralatan dan bantuan benih ikan.

“Usaha juga sedang dilipatgandakan untuk membimbing usahawan dan golongan muda.

“Ia termasuk menambah nilai pengeluaran melalui pemprosesan produk dan pem-

bungkusan agar dapat dipasarkan lebih meluas,” katanya selepas lawatan Timbalan Menteri Kewangan, Mohd. Shahar Abdullah di Felda Panching Selatan di sini semalam.

Abdullah berkata, pihaknya menyokong ternakan ikan khususnya patin di dalam sangkar secara kluster.

“Jumlah pengeluaran ikan untuk makanan di Pahang bagi subsektor perikanan laut, akuakultur dan sungai pada 2020 sebanyak 117,317 metrik tan yang bernilai RM940 juta.

“Walaupun pandemik bermula 2020, pengeluaran ikan tangkapan, akuakultur dan perikanan sungai di Pahang berada dalam kedudukan lima negeri tertinggi di Semenanjung dan adalah yang tertinggi di Pantai Timur,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/9/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

SUNGAI TIMUN BAKAL JADI TUMPUAN 'PEMBURU' SEPIT BIRU



Rembau: Sungai Timun di sini, bakal menjadi destinasi 'lubuk' udang galah susulan usaha Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) meningkatkan populasi udang galah sekali gus memberi sumber rezeki kepada nelayan.

Ketua Daerah Perikanan Rembau/Tampin, Md Johari A Latif, berkata, lebih daripada 1.5 juta benih udang galah sudah dilepaskan di sungai berkenaan sejak awal tahun ini.

"Dalam masa sama kami turut melepaskan lebih 200,000 benih ikan antaranya baung dan lampam sungai.

"Ia dapat memastikan populasi udang dan ikan di sungai ini tidak terjejas sekali gus dimanfaatkan komuniti nelayan termasuk penduduk sekitar," katanya selepas majlis pelepasan 3,000 benih ikan lampam sungai dan baung sempena Program Sepakat@Komuniti Daerah Rembau di Jeti Pangkalan Nelayan Sungai Timun di sini, tadi.

Majlis disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota, Datuk Seri Dr Awaludin Saïd dan hadir sama Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Sembilan, Shahnnon Mohamad.

Pada program berkenaan, seramai 38 ahli MyKomuniti Perikanan (MyKP) turut menerima sumbangan barangan keperluan harian daripada badan bukan kerajaan (NGO) iaitu MyFundAction, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin dan Jabatan Penerangan Negeri Sembilan.

Dalam pada itu, Md Johari berkata, pendapatan sumber nelayan di Sungai Timun turut terjejas sejak pandemik COVID-19 melanda negara ini susulan aktiviti menyewa bot tidak dapat dijalankan.

Beliau berkata, Sungai Timun adalah lokasi tumpuan pemancing bukan sahaja dari kalangan penduduk negeri ini malah dari luar terutama Lembah Klang, Melaka dan Johor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/9/2021	SINAR HARIAN	NEGERI	31

Pesawah rayu MADA selenggara saluran air

JERLUN - Kira-kira 20 pesawah di Kampung Permatang Kerengga di sini merayu Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) segera menyelenggara saluran yang tersumbat untuk mengelakkan padi mereka tenggelam ketika hujan dan ribut.

Seorang pesawah, Azmi Baharom, 56, berkata, masalah berkenaan menyebabkan air bertakung di dalam sawah kerana tidak dapat mengalir ke saluran yang sepatutnya.

Katanya, saluran itu atau lebih dikenali sebagai sungai buang tidak diselenggara selama hampir empat bulan sehingga sehinggakan dipenuhi semak dan sampah sarap.

“Sebelum ini, pihak MADA datang membersihkan saluran sebanyak tiga kali dalam setahun tetapi sejak setahun lalu, sudah berkurang kepada dua kali. Akibatnya saluran tersumbat,” katanya ketika ditemui di Kampung Permatang

Kerengga di sini pada Ahad.

Menurut Azmi, walaupun telah membuka laluan air dari sawah, namun air tetap tidak mengalir keluar kerana tersekat oleh semak samun tersebut.

Bagi Ruslan Man, 61, dianggarkan 0.29 daripada 2.32 hektar sawah padinya di kawasan berkenaan tenggelam akibat air bertakung dalam sawah.

“Setiap kali musim menuai saya selalunya mendapat hasil sekitar dua tan tetapi apabila jadi begini saya agak sedih, sudah pasti pendapatan merosot,” katanya.

Saharul Izam Shafie, 52, pula berkata, dia berharap ada tindakan segera daripada MADA berkaitan masalah terbabit supaya mereka dapat menjalankan kerja-kerja sawah dengan lancar.

“Kalau tidak diselenggara dalam masa terdekat, banyak masalah akan timbul pada musim baharu nanti termasuk anak padi tenggelam. Kami akan terus menanggung kerugian,” katanya.

Pesawah di Kampung Permatang Kerengga, Jerlun menunjukkan padi masak yang rosak dan belum sempat dituai akibat ditenggelami air.



Oleh Syaherah Mustafam@hmetro.com.my

Pasir Puteh

Menukar nombor pendaftaran bot asal dengan milik tempatan selain menangkap ikan bersama kelompok nelayan negara ini menjadi taktik baharu nelayan Vietnam mencero boh perairan negara.

Namun taktik itu kecundang selepas dikesan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang mengawal perairan negara.

Jumaat lalu, APMM Kelantan menahan lapan nelayan warga negara itu yang berusia antara 23 hingga 46 tahun ketika mencuri hasil di Muara Tok Bali di sini.

Pengarah APMM Kelantan, Kepten Maritim Syed Nor Adli Syed Ab Rahman berkata, pihaknya turut merampas bot, peralatan menangkap ikan, 500 kilogram hasil ikan serta 4,000 liter diesel bernilai keseluruhan RM1.5 juta.

Katanya, kegiatan nelayan asing itu dikesan jam 1.20 petang dengan mereka menempatkan bot dalam ka-

Letak bot bersama nelayan tempatan

APMM tahan lapan nelayan Vietnam curi hasil di Muara Tok Bali



SYED Nor Adli menunjukkan kesan nombor pendaftaran asal bot Vietnam dipadankan dengan cat putih pada sebuah bot yang dirampas ketika ditemui di Jeti Maritim Negeri Kelantan, Tok Bali, semalam. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR



Kita mengesyaki penahanan dua bot nelayan asing pada 7 September lalu ada kaitan dengan kes terbaharu ini berdasarkan modus operandi sama iaitu memadamkan nombor pendaftaran asal"

Syed Nor Adli Syed Ab Rahman

langan kelompok nelayan tempatan.

"Terdapat hampir 30 bot di kawasan berkenaan dan bot nelayan asing itu memiliki struktur fizikal berbeza menyerupai bot nelayan Vietnam.

"Forensik awal dijalankan pada bot itu juga menemui kesan nombor pendaftaran asal dari Vietnam yang dipadankan dengan

cat putih.

"Selain itu, timbul kekeliruan apabila zon kebenaran penangkapan ikan (ketika tahanan) adalah Zon B, tetapi bot yang ditahan mempamerkan lesen bagi penangkapan ikan di Zon C," katanya pada sidang media di Jeti Maritim Kelantan di Tok Bali di sini, semalam.

Syed Nor Adli berkata, pemeriksaan ke atas kru bot

mendapati tujuh orang mempunyai pasport sebagai dokumen pengenalan diri manakala seorang tiada sebarang pengenalan.

Katanya, pihaknya juga yakin nelayan terbabit tidak mendaratkan ikan di mana-mana jeti perikanan dalam negara kerana semakan ke atas GPS bot itu menunjukkan sejarah perjalanannya hanya sekitar Vietnam.

Menurutnya, semua tahanan dan rampasan dibawa ke jeti untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985.

"Kita mengesyaki penahanan dua bot nelayan asing pada 7 September lalu ada kaitan dengan kes terbaharu ini berdasarkan modus operandi sama iaitu memadamkan nombor pendaftaran asal," katanya.

Petik 100 kilogram anggur sebulan



FOTO BERKATA

Wan Yusoff mempromosikan tanaman anggur yang ditanamkannya di kampung belukar, Wakaf Bharu, Tumpat.

Spesies anggur dari Ukraine, Uzbekistan dan Korea Selatan hidup subur di bumi Tumpat, Kelantan

TUMPAI

Persepsi bahawa tanaman anggur hanya sesuai ditanam di kawasan atau negara beriklim sejuk ternyata tidak benar apabila buah itu juga mampu hidup subur di kawasan beriklim tropika seperti Malaysia.

Ini terbukti melalui usaha bekas peneka grafik, Wan Yusoff Abdul Rahman, 37, yang berjaya 'menghidupkan' tanaman anggur di Kampung Belukar dekat Wakaf Bharu di sini dengan menggunakan teknik dan pembaikan bersesuaian.

Menjengah ke kebun anggur itu, pengunjung pasti terpuaskan re-

lihat pubahan tangkai anggur pelbagai warna yang hampir masak menghiasi halaman rumahnya.

Wan Yusoff berkata, di sekeliling rumahnya sahaja terdapat 60 pokok anggur pelbagai jenis termasuk minel, trans, jupiter, dan dixon, malah beliau mampu mengutip hasil tanaman itu hampir 100 kilogram (kg) sebulan.

"Kebanyakan spesies anggur ini berasal dari Ukraine, Uzbekistan dan Korea Selatan.

"Apa yang mengujatkan kesemuanya dapat hidup subur di sini malah rasa manisnya hampir menyamai rasa buah anggur di

negara asal," katanya.

Wan Yusoff berkata, tanaman anggur yang ditanamkannya di halaman rumah sejak dua tahun lepas itu pada mulanya hanya sebagai projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mengkaji 'perangai' tanaman berkenaan.

Hasil 500 tangkai

"Saya tidak nafikan tanaman anggur saya mampu mengeluarkan hasil hingga menjadi tumpuan orang ramai berkunjung ke rumah bagi melihat dan merasa sendiri anggur yang ditanam.

"Walaupun sukar dipercaivai tetapi setiap pokok boleh mengeluarkan sebanyak 500 tangkai dengan berat yang mampu mencapai 500 hingga 700 gram setiap tangkai.

"Inilah hasil dikeluarkan pokok anggur tanaman saya," katanya yang mempelajari teknik tanaman dan pembiayaan melalui internet.

Menurut bapa kepada lima anak itu, pokok anggur sebenarnya satu tanaman yang lasak dan mampu hidup lama serta tahan cuaca panas.

"Berdasarkan R&D yang saya lakukan, hujan adalah musuh utama tanaman anggur ini dan memerlukan struktur per-

indungan hujan bagi memastikan pokok anggur dalam keadaan baik.

"Selepas mengeluarkan putik, baki bunga kering dan masih melekat serta daun perlu dibuang bagi menghasilkan buah yang cantik.

"Kebiasaannya, selepas buah habis dipetik, saya pangkas daunnya, kemudian ia akan berbuah lagi dalam masa 90 hari," katanya. Menurut Wan Yusoff, tanaman anggur di negara ini mampu mengeluarkan hasil lebih banyak kerana boleh berbuah tiga hingga empat kali setahun.

"Perancangan saya selepas ini adalah untuk membuka ladang anggur berkonsepkan agropelancongan di kawasan seluas 0.4 hektar di Tumpat dengan tanaman sebanyak 500 pokok.

"Projek ini telah dimulakan. Kini saya sedang menyiapkan benih dan tapak dengan kerjasama beberapa agensi. Insya-ALLAH, mungkin dalam tempoh sembilan bulan lagi ia akan mengeluarkan hasil," ujar Wan Yusoff.

Beliau juga sedang 'mengintai' dan berhasrat menanam spesies anggur dinamakan *shiraz muskat* dari Jepun bersaiz lebih besar dan manis hingga boleh dijual pada harga hingga RM500 sekilogram. - *Bernama*



Selama tangkai anggur yang ditanam Wan Yusoff boleh menghasilkan buah seberat 500 hingga 700 gram.

Peniaga ayam luah rasa

Turut terkesan dengan kenaikan harga ayam mentah secara mendadak

Oleh **NUR IFTTAAH ROZLAN**

SHAH ALAM

Rata-rata peniaga ayam menzahirkan keresahan mereka yang terkesan akibat kenaikan harga ayam mentah secara mendadak baru-baru ini.

Tular beberapa keping gambar yang dikongsi peniaga-peniaga ayam di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur pada Ahad berkenaan luahan hati mereka yang disampaikan melalui tulisan pada apron yang dipakai.

Menurut seorang peniaga ayam di Pasar Chow Kit, Sharizal Saad, 50, kenaikan harga ayam mencecah RM9.50 sekilogram adalah yang paling tinggi pernah berlaku.

"Sebelum ini tidak pernah lagi harga jualan naik setinggi ini.

"Biasa kalau musim perayaan pun,

harga ayam paling tinggi mencecah RM8 sekilogram.

"Orang masin lagi beli ayam, cuma keuntungan peniaga tipis. Dari segi jualan, biasanya masa harga murah orang akan beli dua ekor atau lebih, tapi sekarang beli seekor sahaja.

"Dulu, kami beli ayam pada harga RM5 dan jual RM6.50, jadi dapatlah untung RM1.50.

"Sekarang kita beli RM8.40, nak jual dengan harga RM9 pun orang berkira-kira untuk beli sebab terlalu mahal.

"Jual ayam sekurang-kurangnya perlu dapatkan keuntungan RM1, kalau kurang memang tidak lepas nak bayar gaji dan kos barangan lain," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Khamis, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menegaskan kenaikan harga ayam standard di peringkat nasional daripada RM8.39 sekilogram (kg) kepada RM8.47 berdasarkan laporan Price Alert Harian pada 6 September lalu.



Seorang peniaga ayam di Pasar Chow Kit memakai apron yang ditulis berkenaan harga ayam tidak terkawal.

KPDNHEP dalam satu kenyataan berkata, berdasarkan pemantauan pihaknya di 605 premis yang menjual ayam bersih standard di seluruh negara mendapati, 47 premis atau lapan peratus daripadanya menaikkan harga manakala 0.5 peratus menurunkan harga.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/9/2021	KOSMO	K2	29



IKAN tilapia merah yang diternak mencapai saiz sederhana sebelum dijual di pasaran.



TANGKI dicuci dengan bersih terlebih dahulu sebelum ikan dilepaskan ke dalamnya.

Kampus



Oleh MOHD. SHAZWAN YUSOP

BUAT Julung-Julung kalinya, asrama penginapan pelajar Kolej Canselor (KC), Universiti Putra Malaysia (UPM) melaksanakan projek pertanian secara lestari dikenali sebagai KC Agro.

Projek bermula sejak April lalu itu dilakukan sebagai menyahut seruan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UPM, Prof. Dr. Arifin Abdu yang menggalakan konsep pertanian secara lestari.

Menerusi projek KC Agro itu, para penghuni asrama penginapan telah memulakan projek penternakan ikan tilapia merah dalam tangki yang ditempatkan di sekitar kolej.

Menariknya, projek perternakan ikan tilapia tersebut mengamalkan konsep kelestarian alam sekitar termasuk dalam aspek latihan serta penggunaan barang-barang terpakai.

Pengerusi Kolej Canselor, Prof. Madya Dr. Amini Amir Abdullah berkata, projek itu merupakan inisiatif warga KC dalam usaha memartabatkan pertanian dan penternakan.

"Selain menyahut seruan universiti, tujuan program ini adalah untuk menerapkan nilai tambah kemahiran dan pengetahuan kepada penghuni KC mengenai pertanian seperti akuakultur.

"Projek ini disertai 20 orang yang terdiri daripada penghuni KC, Ahli Majlis Perwakilan Kolej (MPK), barisan felo dan staf pengurusan," katanya ketika ditemui buai baru-baru ini.

Sebuah jawatankuasa khas diwujudkan oleh MPK dan diletakkan di bawah portfolio Naib Presiden Hal Ehwal Warga dan Pertanian untuk memperkasa agenda kelestarian pertanian KC itu.

Jawatankuasa tersebut akan dipantau oleh pihak pengurusan kolej bagi memastikan projek berkenaan dapat direalisasikan mengikut perancangan yang dijadualkan.

Dr. Amini memaklumkan, sebanyak 1,000 anak benih ikan tilapia merah dilepaskan di dalam sebuah tangki terpakai sederhana besar yang terdapat

Projek lestari UPM ternak tilapia dalam tangki



SEORANG peserta projek KC Agro memberi makan ikan tilapia yang diternak dalam tangki.



Selain menyahut seruan universiti, tujuan program ini adalah untuk menerapkan nilai tambah kemahiran dan pengetahuan kepada penghuni KC mengenai pertanian seperti akuakultur."

PROF. MADYA DR. AMINI AMIR ABDULLAH

di dalam kawasan kolej kediaman.

Katanya, hanya 50 peratus anak benih ikan tersebut berjaya membesar, manakala separuh lagi mati akibat daripada pelbagai faktor seperti air tercemar dan diserang penyakit.

"Pada peringkat permulaan, hanya sebuah tangki digunakan untuk anak ikan. Setelah ikan semakin membesar, tiga buah tangki tambahan digunakan untuk penternakan.

"Selepas lima bulan, kami mempunyai kira-kira 500 ekor ikan

tilapia merah bersaiz sederhana dengan ukuran 13.2 sentimeter dengan berat sekitar 250 gram seekor," ujarnya.

Jualan pertama ikan dibuat pada 3 Ogos lalu dengan hasil tangkapan 20 kilogram (kg) dengan harga RM12 sekilogram. Jualan kedua berlangsung pada 21 dan 22 Ogos lalu dengan anggaran jumlah hasil 30 kg.

Menariknya, para pelajar yang terlibat dalam projek KC Agro melalui proses pembelajaran *in-house training* yang sangat berguna berkaitan penternakan tilapia merah.

"Para pelajar didedahkan dengan ilmu penternakan ikan dari peringkat awal termasuk penyediaan kolam, penjagaan kualiti air, pemilihan benih ikan, proses pemakanan, penukaran air dan pengeluaran saiz ikan.

"Bagi memastikan penternakan berjalan lancar, jadual kerja harian pelajar yang terlibat turut diwujudkan dan catatan penting akan diambil untuk rujukan mereka," tegasnya.

Uniknya, pelajar yang menyertai projek tersebut bukan sahaja terdiri daripada penuntut jurusan Pertanian, malah jurusan-jurusan lain seperti Sains, Kejuruteraan dan Pendidikan.

Dr. Amini berharap, apabila berakHIRnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), para pelajar KC dapat berkongsi ilmu dan dapatan dengan komuniti setempat menerusi program Bakti Siswa.

Salah seorang penghuni KC, Nor Idayu Suboh, 22, berkata, projek KC Agro memberi ilmu pengetahuan baharu di luar daripada program formal yang diikuti di UPM.

"Itnu yang diperoleh sepanjang proses penternakan akuakultur ikan dan pertanian amat berguna. Saya yakin ia boleh memberi nilai tambah kepada saya apabila bekerja nanti.

"Pada masa sama, KC Agro membantu memupuk rasa tanggungjawab, disiplin diri dan kerjasama berpasukan dalam menjayakan projek berkenaan," tegasnya.

Cadangan perlu ambil kira pelbagai faktor kenaikan kos

Kuala Lumpur: Pelaksanaan sistem subsidi yang dicadangkan bagi mengawal harga ayam, diharapkan mengambil kira semua faktor mempengaruhi kenaikan harga ayam di pasaran.

Penasihat Persekutuan Persatuan Persatuan Penarik Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng, berkata cadangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) antaranya perlu mengambil kira harga makanan ayam seperti jagung dan soya yang turun naik ketika ini.

Selain itu, katanya, KPDNHEP juga perlu meneliti kos tambahan ditanggung penternak dalam penjagaan anak ayam, yang ketika ini mudah sakit dan mengambil tempoh rusa lebih lama untuk membesar akibat cuaca tidak menentu.

"Kami menyambut baik cadangan KPDNHEP untuk memberikan subsidi kepada penternak, dan berharap ia mempertimbangkan pelbagai faktor yang menyumbang kepada kenaikan harga ayam di pasaran.

"Di samping harga dedak ayam yang naik sekitar 20 peratus ketika ini, penternak juga terpaksa tanggung peningkatan kos minyak kelapa sawit yang kita guna dalam makanan ayam, yang meningkat daripada RM2,000 kepada RM4,600," katanya kepada BH.

Kelmarin, KPDNHEP dilaporkan bercadang melaksanakan sistem subsidi kepada pengusaha ladang ayam terbesar bagi mengawal kenaikan harga ayam di seluruh negara.

Jeffrey berkata, faktor cuaca yang berubah-ubah menyebabkan berat ayam tidak sampai dua kilogram (kg) walaupun selepas 40 hari, berbanding kebiasaan berat ayam menecah 2.3 kg dalam tempoh 35 hari.

"Cuaca pada waktu siang terlalu panas menyebabkan anak ayam terkejut, manakala malam terlalu sejuk menyebabkan ayam mudah sakit dan perlu diberi ubat.

"Faktor ini menjejaskan tempoh tumbesaran ayam, sekali gus meningkatkan kos ditanggung penternak dari segi dedak dan ubat, belum mengambil kira kerugian jika ada anak ayam yang mati," katanya.

Lebih penting, kata Jeffrey, adalah bagi KPDNHEP memastikan akses untuk ayam di ladang sampai ke pasaran sekiranya berlaku pemutupan pasar di kawasan yang dikenali sekatan pergerakan ketat.

Syor sistem subsidi pengusaha ladang ayam

Pelaksanaan sasar harga tak lebih RM10 sekilogram

Sistem tumpu kawalan harga makanan ayam, tentukan nilai siling

Oleh Ahmad Suhail Adnan-ahmad.suhail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan sistem subsidi yang dicadangkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dijangka membolehkan harga ayam tidak melebihi RM10 sekilogram.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata pelaksanaan subsidi itu menjurus kepada mengawal harga makanan ayam, yang dilaporkan menjadi antara faktor kenaikan harga jualan ayam di pasaran.

Menerusi sistem subsidi yang dicadangkan itu, beliau berkata,

kadar subsidi yang diberikan bergantung pada turun naik harga semasa jagung dan soya, yang menjadi komponen utama makanan ayam.

Selain itu, katanya, satu nilai ambang akan ditetapkan, di mana tiada subsidi akan diberikan jika harga makanan ayam menurun di bawah nilai ambang berkenaan.

"Cadangan kita ini adalah lebih kurang sama seperti yang dilaksanakan untuk minyak masak bolol, di mana subsidi diberikan kepada penternak yang mengawal pasaran apabila ada kenaikan harga jagung dan soya (komponen makanan ayam).

"Kita menjangkakan pemberian subsidi pada makanan ayam akan membolehkan harga semasa ayam tidak naik.

"KPDNHEP menjangkakan menerusi pelaksanaan sistem

subsidi ini, harga jualan ayam di pasaran ketika ini boleh dikendalikan antara RM9 hingga RM10 sekilogram," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, beliau dilaporkan berkata, KPDNHEP bercadang melaksanakan sistem subsidi kepada pengusaha ladang ayam terbesar bagi mengawal kenaikan harga ayam di seluruh negara.

Katanya, subsidi harga itu akan diberikan kepada 20 pengusaha ladang ayam di tiga negeri iaitu Johor, Negeri Sembilan dan Perak, yang mengeluarkan 80 peratus bekalan ke seluruh negara.

Mengulas lanjut, Rosol berkata, cadangan yang diserahkan kepada Kementerian Kewangan itu dijangka mengambil sedikit masa untuk dilaksanakan.

Katanya, proses merangka formula sistem subsidi yang sesuai mengambil sedikit masa kerana

kementerian perlu meneliti trend harga makanan ayam antara dua hingga tiga tahun lalu.

"Kita juga membandingkan dengan harga sekarang dan jangkaan harga setahun akan datang, sama ada berlaku peningkatan atau penurunan, sebelum formula subsidi boleh dimuktamadkan.

"Kita juga akan tetapkan nilai ambang di mana tiada subsidi diberikan jika harga jagung dan soya merurun di bawah paras itu dan subsidi itu bertambah selaras peningkatan harga komoditi berkenaan," katanya.

Ditanya saranan Persekutuan Persatuan Persatuan Penarik Malaysia (FLFAM) supaya subsidi itu turut mengambil kira faktor lain yang mempengaruhi peningkatan harga ayam, Rosol berkata, buat masa ini, subsidi itu tertumpu pada harga makanan ayam.

"Kebanyakan penternak maklumkan peningkatan harga ayam disebabkan harga makannya, jadi dengan subsidi ini kita harap harga tidak naik," katanya.



Rosol Wahid

Jualan amal RM12 seekor ayam dapat sambutan

Jasin: Harga ayam segar yang meningkat secara mendadak di Melaka sejak minggu lalu, tidak menghalang Jawatankuasa Masjid Jamek Ar-Rahman Kampung Pulau dekat Serkam di sini, untuk menjual bahan reueuth itu pada harga murah.

Dijual pada harga purata RM12 seekor dengan berat di antara 1.5 hingga 1.6 kilogram, inisiatif dilaksanakan jawatankuasa masjid menerusi program jualan amal Pasar Sunday itu mendapat sambutan ramai.

Pelanggan yang datang bukan saja dalam kalangan penduduk Kampung Pulau dan sekitarnya, malah peniaga dari Bandaraya Melaka serta Jasin turut mengambil peluang merebut tawaran murah berkenaan.

Tidak sampai satu jam, kira-kira 1,000 ayam segar dijual di pekarangan Masjid Jamek Ar-Rahman itu habis, malah ada yang mula membuat tempahan awal untuk mendapatkan bekalan terbahit pada program yang diadakan setiap Ahad itu.

Pengerusi Jawatankuasa Masjid Jamek Ar-Rahman Kampung Pulau, Rizal Ramli, berkata pihaknya berusaha menjual barang keperluan harian pada harga paling minimum, bergantung kepada harga pembelian yang ditawarkan pembekal.



Ahli Jawatankuasa Masjid Jamek Ar-Rahman menjual ayam segar di Pasar Sunday Kampung Pulau, Jasin, semalam. (Foto Amir Mamat/BH)

Katanya, pada kebiasaan, pembekal menawarkan harga murah berdasarkan situasi harga pasaran semasa, namun pihaknya tetap berusaha mendapatkan bekalan berkenaan pada harga paling murah sebelum dijual kepada penduduk kampung.

"Kebiasaannya, barang yang kami peroleh dengan harga murah akan dijual dengan harga rendah dan sudah pasti sangat berbeza dengan harga pasaran semasa.

"Langkah ini bagi memastikan penduduk tidak terbeban ke-

naikan mendadak harga barangan keperluan harian seperti ayam yang pada ketika ini sangat mahal, sekali gus membebaskan pengguna," katanya ketika ditemui di Pasar Sunday semalam.

Beliau berkata, keuntungan hasil jualan barangan keperluan harian itu dimasukkan ke dalam tabung Masjid Jamek Ar-Rahman bagi membolehkan aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan dilaksanakan dengan sempurna.

Turut dijual di Pasar Sunday itu ialah telur ayam Gred C yang dijual pada harga RM9 sepapan, berbanding RM11 sepapan di pasaran.

Pasar Sunday dianjurkan Jawatankuasa Masjid Jamek Ar-Rahman Kampung Pulau sejak beberapa bulan lalu dengan menjual barang keperluan harian pada harga sangat berpatutan.

Minggu lalu, harga ayam segar di pasar basah negeri ini naik mendadak sehingga RM10 sekilogram, hingga membebaskan peniaga serta pengguna.

Keadaan itu membebaskan pengguna yang terkejut harga tinggi itu berlaku secara tiba-tiba, berbanding minggu sebelumnya yang mana ayam segar hanya dijual sekitar RM5.90 hingga RM6.80 sekilogram.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/9/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

Pesawah dakwa ada tindakan 'mencuri air' dari terusan

Parit Buntar: Pesawah di Parit Abas dan Parit Mat Ali, di sini, buntu dan tidak dapat memulakan tanaman padi mereka kerana bekalan air yang disalurkan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melalui terusan itu tidak sampai ke petak sawah mereka, di sini.

Mereka mendakwa tindakan segelintir pesawah lain yang 'mencuri air' dari terusan Tali Air 74 dan memulakan musim penanaman padi tidak mengikut jadual yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian menyebabkan masalah itu timbul.

Lebih membingungkan apabila jadual pengairan untuk penanaman padi di kawasan TA 74R2 dan TA74L2 serta beberapa lagi kawasan berhampiran yang sepatutnya diterima pada Selasa lalu, masih tidak mencukupi dan meresahkan mereka kerana masalah bekalan air.

Wakil pesawah di Parit Abas dan Parit Mat Ali, Shafful Ahmad, 37, berkata pihaknya sudah merujuk masalah itu dengan pihak JPS, namun ia bukan berpunca daripada kegagalan jabatan itu dalam menyalurkan air untuk kegunaan pesawah di kompartmen C, di sini.

"JPS sudah menyalurkan air yang cukup melalui TA74 untuk kegunaan pesawah di kompartmen C seperti yang dijadualkan.

"Namun di kawasan Parit Abas dan Parit Mat Ali, sepatutnya kami menerima bekalan air bermula Selasa lalu hingga semalam (11 September) namun yang 'pelik' apabila air yang disalurkan ke palong 74R2, 74L2 dan kawasan sekitar, tidak sampai malah air yang masuk ke palong kami tidak sampai 0.5 meter.

"Jadi keadaan ini amat membingungkan kami di sini kerana sudah lewat dari jadual yang ditetapkan dan berharap pihak berkaitan dapat mencari jalan penyelesaian segera," katanya.

Beliau juga berkata, masalah itu juga sudah dilaporkan kepada Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Kurau untuk tindakan.

"Kelmarin, saya bersama ADUN Kuala Kurau, Datuk Abdul Yunus Jamhari dan wakil JPS membuat rondaan di TA74 dan mendapati masalah ketidadaan air yang berlaku di tempat kami disebabkan tindakan segelintir pesawah yang membuka pintu air di R8,R9,L12,L13 dan L14 untuk memulakan musim penanaman padi lebih awal berbanding jadual asal pada 18 September ini," katanya.

Pesawah degil tak ikut jadual, petak padi jadi kering

PARIT BUNTAR – Tindakan segelintir pesawah yang mencuri air dari terusan Tali Air (TA) 74 serta memulakan musim penanaman padi tidak mengikut jadual menyebabkan pesawah di Parit Abas dan Parit Mat Ali tidak dapat memulakan tanaman padi mereka.

Perkara itu disebabkan bekalan air yang melahuri terusan itu tidak sampai ke petak sawah yang sepatutnya.

Lebih membingungkan apabila jadual pengairan untuk penanaman padi di kawasan TA 74R2 dan TA74L2 serta beberapa lagi kawasan berhampiran sejak seminggu lalu tidak mencukupi lantas menimbulkan masalah pada pesawah lain.

Wakil pesawah, Shaiful Ahmad, 37, berkata, perkara itu telah dirujuk kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), na-



SHAIFUL AHMAD menunjukkan keadaan petak sawahnya dalam keadaan kering Kampung Parit Mat Ali Kuala Kurau, Parit Buntar semalam.

mun ianya bukanlah berpunca daripada kegagalan jabatan itu menyalurkan air untuk kegunaan pesawah.

"JPS sudah menyalurkan air yang cukup melalui TA74, namun bekalan air yang dijadualkan pada 7 dan 9 September lalu

tidak diterima di kawasan Parit Abas dan Parit Mat Ali, malah air yang masuk ke palong tidak sampai 0.5 meter.

"Keadaan ini amat membingungkan kami kerana sudah lewat dari jadual yang ditetapkan dan berharap pihak berkaitan dapat mencari jalan penyelesaian segera," katanya ketika ditemui di Kampung Parit Mat Ali Kuala Kurau semalam.

Masalah itu juga telah diadu pada Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Kurau untuk tindakan.

Difahamkan, pemeriksaan lanjut yang dilakukan oleh pihak JPS mendapati ada segelintir pesawah bertindak membuka pintu air untuk memulakan musim penanaman padi lebih awal berbanding jadual asal yang ditetapkan iaitu pada 16 September ini.

Tinjauan lanjut juga mendapati ada dalam kalangan pesawah telah mula menabur padi manakala beberapa pintu air ditrosakkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/9/2021	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1



RINTIHAN PENIAGA AYAM

PENIAGA ayam meluahkan kekecewaan mereka apabila terkesan dengan kenaikan harga ayam secara mendadak baru-baru ini.

Beberapa keping gambar dikongsi peniaga-peniaga ayam di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur menunjukkan keluhan melalui tulisan di apron yang disarung mereka.

Kata-kata seperti 'Harga ayam tak terkawal, siapa terkesan? Rakyat lah awak' dan 'Bela nasib kami sebagai peniaga dan hak kami sebagai pembeli' merupakan antara luahan yang disuarakan.

Menyamar nelayan tempatan curi hasil laut negara



SYED NOR ADLI SYED AB. RAHMAN bertanyakan sesuatu kepada lapan nelayan Vietnam yang ditahan di Jeti Maritim Malaysia Kelantan, Pasir Puteh, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

PASIR PUTEH: Sekali pandang, tiada apa yang pelik pada sebuah bot nelayan 'tempatan' kerana segalanya nampak normal termasuk rupa bentuk, warna dan nombor pendaftaran yang dicat pada badannya.

Bagaimanapun, bot dari Vietnam itu gagal mengaburi mata Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Kelantan ketika dikesan mencuri hasil laut negara menggunakan pukat tunda di lokasi 83.3 kilometer dari Kuala Tok Bali, pukul 2.30 petang Jumaat lalu.

Pengarah Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Maritim Syed Nor Adli Syed Ab. Rahman berkata, dalam operasi itu, tujuh awak-awak dan seorang tekong berusia lingkungan 23 hingga 46 tahun ditahan ketika mereka leka menangkap ikan.

Katanya, ketika dihampiri, mereka tidak sempat meloloskan diri kerana perlu mendaratkan pukat tunda naik ke atas bot dahulu, sekaligus membolehkan anggota Maritim Malaysia memintas untuk pemeriksaan lanjut.

"Tekong bot menunjukkan permit menangkap ikan yang disyaki palsu. Siasatan lanjut mendapati kesemua mereka warga Vietnam dengan tujuh daripada mereka memiliki pasport. Hanya seorang tiada pengenalalan diri.

"Mereka mengecat nombor pendaftaran nelayan Terengganu pada badan bot, namun, kita masih berjaya menemui kesan cat nombor pendaftaran Vietnam pada bot," katanya dalam sidang akhbar di Jeti Maritim Malaysia Kelantan, di sini semalam.

Nelayan gembira EIA dibatalkan

KUALA LUMPUR: Ketua Unit Nelayan Sungai Batu, Zakaria Ismail gembira apabila Lembaga Rayuan memutuskan penilaian impak alam sekitar (EIA) bagi projek tambakan laut di Selatan Pulau Pinang (PSR) dibatalkan.

Zakaria mengangap keputusan itu merupakan kejayaan bersama nelayan, penduduk setempat, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak yang bersama memperjuangkan supaya PSR tidak dibangunkan.

"Terima kasih kepada ketua peguam yang juga Presiden SAM yang berjuang bermati-matian bagi pihak nelayan dan pihak NGO yang bersama kita, sahabat-sahabat kita.

"Bagi saya, ini adalah bidang yang baru. Saya berterima kasih kepada Puan Meena dan rakan-rakan, serta NGO, dan semua yang bersusah payah untuk nelayan kami ini yang buta undang-undang.

"Kami tiada pengalaman, jadi hari ini apabila kita bersatu, kita akan mendapat satu kejayaan yang besar, bagi saya.

"Dengan rendah hati, saya rasa begitu hiba apabila kejayaan ini (dapat dike-



Zakaria Ismail melahirkan rasa syukur dengan pembatalan EIA.

capi). Sebelum ini saya juga antara dua, boleh berjaya dengan tidak boleh berjaya

"Tetapi syukur Alhamdulillah, Allah telah perkenankan doa kita semua, termasuk sahabat saya daripada ustaz-ustaz, kawan-kawan saya masa di tempat kerja dahulu dan juga Nelayan Sungai Batu sendiri dan juga pemimpin setempat yang telah memberi sokongan yang padu.

"Hari ini kita telah mendapat satu kejayaan yang besar, bukan kejayaan saya, tetapi kejayaan kita semua sebagai rakyat Pulau Pinang amnya, yang dapat meniknati benda ini adalah begitu penting untuk kita, terutamanya keselamatan makanan.

"Itu yang saya hen-



Projek PSR yang membabitkan tambakan laut.

dak nyatakan, bukannya pembangunan yang tidak seimbang, kita perlukan keselamatan makanan.

"Kita perlukan kasih sayang antara kita semua di sini, tidak mengira pangkat atau apa.

"Kemudian, kita perlu pembangunan yang seimbang, yang tidak merosakkan alam sekitar.

"Jadi, dari situ, kita dapat rumuskan bahawa Allah akan memihak kepada kita.

"Insya-Allah kita akan terus berjaya, terima kasih kepada semua," katanya dalam satu sidang media, semalam.

Pada Rabu, Lembaga Rayuan mengetepikan kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang memberi kelulusan EIA untuk PSR.

Keputusan itu dibuat tiga anggota Lembaga Rayuan JAS yang diketuai Hakim Mahkamah Sesyen, Rozina Ayub dan pakar alam sekitar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Mazlin Mokhtar dan Prof Madya Dr Ramdzani Abdullah (Universiti Putra Malaysia).

Keputusan Lembaga Rayuan JAS itu menyaksikan kelulusan EIA bagi projek berkenaan yang diperoleh pada 25 Jun 2019 adalah terbatal dan tidak lagi sah.

Terdahulu, notis rayuan berkenaan difailkan kepada Lembaga Rayuan JAS oleh Ketua Unit Nelayan Sungai Batu, Zakaria Ismail pada 29 Julai 2019 di bawah seksyen 35 (1) (e) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (EQA 1974).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/9/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

BOT NELAYAN VIETNAM GUNA PENDAFTARAN PALSU DITAHAN



PASIR PUTEH: Taktik penyamaran nelayan Vietnam menggunakan bot dengan pendaftaran palsu dan berada dalam kawasan nelayan tempatan tidak menjadi apabila kehadiran mereka tetap dikesan pihak berkuasa di Muara Tok Bali, kelmarin.

Susulan itu, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Kelantan (Maritim Malaysia) menahan lapan nelayan Vietnam berusia antara 23 sehingga 46

tahun selain merampas bot, peralatan menangkap ikan, 500 kilogram hasil ikan serta 4,000 liter diesel bernilai RM1.5 juta.

Pengarah Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Maritim Syed Nor Adli Syed Ab Rahman, berkata dalam kejadian jam 2.20 petang itu, bot berkenaan berada dalam kelompok lebih 30 bot nelayan tempatan di lokasi terbabit.

Pemeriksaan awal pada bot nelayan asing berkenaan menemui kesan nombor pendaftaran asal negara Vietnam yang dipadam menggunakan cat putih selain bot berkenaan memiliki struktur fizikal menyerupai bot nelayan negara berkenaan.

"Terdapat kekeliruan apabila zon kebenaran penangkapan ikan adalah Zon B tetapi bot yang ditahan mempamerkan lesen zon pengangkutan di Zon C. Pemeriksaan kru mendapati tujuh daripada mereka mempunyai passport sebagai dokumen pengenalan diri, manakala seorang lagi tidak mempunyai dokumen perjalanan.

"Kita percaya bot ini tidak mendaratkan ikan di mana-mana jeti perikanan di dalam negara kerana semakan terhadap alat global Positioning System (GPS) menunjukkan semua sejarah trek perjalanan bot menuju ke Vietnam," katanya dalam sidang media, hari ini

Syed Nor berkata, kes disiasat dibawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan atau cuba menangkap tanpa kebenaran Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia.

Pelaku boleh dihukum mengikut Seksyen 25 (a) iaitu hukuman denda hingga RM6 juta kepada tekong dan RM600,000 keatas setiap kru.

"Kita mengesyaki penahan dua bot pada 7 September lalu, ada kaitan dgn rampasan yang terbaru ini berdasarkan modus operandi yang sama iaitu memadamkan nombor pendaftaran asal kepada palsu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

1,000 AYAM SEGAR RM12 SEEKOR 'LICIN' DALAM SEJAM



Jasin: Harga ayam segar naik mendadak di Melaka sejak minggu lalu, tidak menghalang Jawatankuasa Masjid A-Rahman Kampung Pulau, Serkam, di sini, untuk menjual bahan mentah itu pada harga murah.

Dijual dengan harga RM12 seekor, inisiatif dilaksanakan jawatankuasa masjid berkenaan menerusi program jualan amal Pasar Sunday itu mendapat sambutan ramai.

Malah, pelanggan bukan saja dalam kalangan penduduk Kampung Pulau dan sekitarnya, malah

peniaga dari Bandaraya Melaka serta Jasin turut mengambil peluang dengan tawaran murah berkenaan.

Tidak sampai sejam, kira-kira 1,000 ayam segar dijual di perkarangan Masjid Jamek Ar-Rahman itu 'licin', malah ada mula membuat tempahan awal untuk mendapatkan bekalan terbabit pada program diadakan setiap Ahad itu.

Pengerusi Jawatankuasa Masjid Jamek Ar-Rahman Kampung Pulau, Rizal Ramli berkata, pihaknya berusaha menjual barangan keperluan harian pada harga paling minimum, bergantung kepada harga pembelian ditawarkan pembekal.

Katanya, kebiasaannya, pembekal akan menawarkan harga murah berdasarkan situasi harga pasaran semasa, namun pihaknya tetap berusaha untuk mendapatkan bekalan berkenaan pada harga paling murah sebelum dijual kepada penduduk kampung.

"Kebiasaannya, barangan diperoleh dengan harga murah, kami akan jual dengan harga murah dan sudah pasti ia sangat berbeza dengan harga pasaran semasa.

"Langkah ini bagi memastikan penduduk tidak terbeban dengan kenaikan mendadak harga barangan keperluan harian seperti ayam yang pada ketika ini sangat mahal, sekali gus membebankan pengguna," katanya ketika ditemui di Pasar Sunday, hari ini.

Beliau berkata, hasil jualan barangan keperluan harian itu akan dimasukkan ke tabung Masjid Jamek Ar-Rahman bagi membolehkan aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan dilaksanakan dengan sempurna.

Di Pasar Sunday itu, telur ayam dijual pada harga RM9 sepapan, berbanding RM11 sepapan di pasaran.

Pasar Sunday dianjurkan Jawatankuasa Masjid Jamek Ar-Rahman Kampung Pulau sejak beberapa bulan lalu dengan menjual barangan keperluan harian seperti ayam segar, telur, ikan kembung, pelaling serta buah-buahan termasuk buah naga dan jagung pada harga sangat berpatutan.

Program itu turut mendapatkan kerjasama Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Exco Pertanian, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee serta Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Serkam, Datuk Zaidi Attan.

Minggu lalu, media melaporkan, harga ayam segar di pasar basah di negeri ini naik mendadak sehingga RM10 sekilogram sehingga membimbangkan peniaga serta pengguna.

Keadaan itu membebankan pengguna terkejut harga tinggi itu berlaku secara tiba-tiba, berbanding minggu sebelumnya apabila ayam segar dijual sekitar RM5.90 hingga RM6.80 sekilogram.